

TARIKH	24/MEI/ 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N13	RUANGAN	NEWS

Berani berbahasa Inggeris

Program Kem English Kelab TaHa tingkat keyakinan pelajar

Mohd Fahmi Mohd Yusof

JOHOR BAHRU: Seramai 190 pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga daripada sembilan sekolah sekitar bandar raya ini, dipilih menyertai Program Kem English anjuran Kelab TaHa Tabung Haji (TH) dengan kerjasama *Berita Harian* yang berlangsung di Menara Tabung Haji Johor, di sini.

Selain Johor, program sama turut diadakan di Negeri Sembilan, Perlis dan Kuala Terengganu yang membabitkan murid sekolah rendah, manakala di Pulau Pinang membabitkan pelajar menengah.

Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan TH, Noor Azmima Ismail, berkata pengumuman julung kali program itu bagi mengubah persepsi dan rasa takut pelajar yang sering menyifatkan subjek Bahasa Inggeris adalah sukar dan tidak menarik.

"Adanya program seperti ini, kami menyediakan modul dan aktiviti yang lebih mendorong kepada meningkatkan keyakinan diri dan tidak fokus kepada silibus dalam buku teks sekolah bagi mengelakkan pelajar bosan dan serius.

"Modul yang menarik dan menyeronokkan ini menjadikan pelajar tidak takut, selain berani bersuara dan berkomunikasi bersama rakan mereka tanpa ada rasa malu.

"Apa yang paling penting program kali ini lebih memberi fokus kepada membina dan menyuntik semangat keyakinan yang tinggi dalam diri setiap pelajar yang hadir," katanya ketika ditemui pada program itu. Hadir sama, Ketua Jabatan Pengedaran The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Salmah Hanim Hares.

Sekolah yang dipilih mengambil bahagian dalam program itu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Daya 3, Sekolah Menengah (P) Sultan Ibrahim, SMK Kangkar Pulai, SMK Taman Daya, SMK Setia, SMK Sultan Ismail dan Ma'had Johor Bahru.

Antara modul dan aktiviti yang terdapat sepanjang program sehari

bermula jam 8 pagi hingga 5 petang itu termasuklah sesi 'ice-breaking,' permainan bahasa, cari harta karun dan 'rythmic reading.'

Pelajar Tingkatan Tiga SMK Sultan Ismail, Ahmad Amir Ikhwan, 15, berkata program itu membantunya meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Pertama kali saya menyertai kem seperti ini dan ternyata selain dapat mempelajari sesuatu yang baru dan berbeza di sekolah. Saya turut dapat berjumpa dan berkenalan dengan ramai kenalan daripada sekolah lain," katanya.

Pelajar SMK Sultanah Engku Tun Aminah, Norfrenawati Ahmad Yusof, 15, berkata program yang dianjurkan Kelab TaHa amat menarik dan menyeronokkan selain dapat menambah kenalan baru.

"Saya menyertai banyak program kepemimpinan dan kem motivasi tetapi saya lihat program ini baik dengan suasana dan pengalaman yang kami peroleh," katanya.



PESERTA membentangkan logo dan motto kumpulan pada Program Kem Bijak English Kelab TaHa anjuran Tabung Haji dan *Berita Harian* di Johor Bahru.